

## PRESS RELEASE

Utusan Malaysia  
16.07.08

Utusan  
MALAYSIA

### 6 angkat sumpah senator

KUALA LUMPUR 15 Julai – Bekas Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar dan Pengerusi MCA Bahagian Cheras, Tan Sri Tee Hock Seng adalah antara enam senator baru yang mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara di sini hari ini.

Empat lagi senator yang mengangkat sumpah ialah Datuk Chandrasekar Suppiah, J. Usha Nandhini, Datuk Ahmad Rusli Ibrahman dan Ahamat @ Ahamad Yusop.

Kesemua mereka mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh pada pukul 10 pagi dengan disaksikan ahli Dewan yang lain.

Pelantikan mereka yang berkuat kuasa hari ini adalah untuk tempoh satu penggal.

Abdul Rahman, Hock Seng, Chandrasekar dan Usha dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin manakala Ahmad Rusli dipilih Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan manakala Ahamat (DUN Johor).

Abdul Rahman, 56, ialah bekas Ahli Parlimen Marang, Terengganu dan kini Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1983 dan pernah menewaskan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dua kali pada pilihan raya umum 1986 dan 2004.

Hock Seng, 59, pula ialah Penasihat Eksekutif kepada Jawatankuasa Perhubungan MCA Wilayah Persekutu-



J. USHA NANDHINI



ABDUL RAHMAN BAKAR

an manakala Chandrasekar, 46, ialah ahli korporat dan antara jawatan yang pernah disandang beliau ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan



AHAMAT @ AHAMAD YUSOP



AHMAD RUSLI IBRAHIM



CHANDRASEKAR SUPPIAH



TEE HOCK SENG

MIC Wilayah Persekutuan.

Usha, 36, yang berkelulusan Sarjana Muda Antropologi, Sosiologi dan Sejarah dari Universiti Malaya (UM)

ialah Ketua Puteri MIC.

Ahmad Rusli, 50, pula ialah Naib Presiden Majlis Jaksas Pendamai Negeri Kelantan manakala Ahamat, 62,

bekas Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Johor dan Ketua UMNO Cawangan Kesang Tasek, Bahagian Ledang.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor

Corp Communications Dept

**BINA PURI HOLDINGS BHD**

Tel : 03-6136 3333 (3005)

Fax : 03-6136 9999

E-mail : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)